

- Bidang : Perkembangan Diri
- Tajuk : Membantu menjaga anak jiran
- Penganjur : Ng Chi San, pelajar
- Matlamat : Mewujudkan suasana yang harmoni dengan jiran supaya kesejahteraan hidup terjamin
- Objektif : 1. Menunjukkan sikap prihatin terhadap keadaan jiran.
2. Mewujudkan kerjasama dan hubungan yang erat dengan jiran.
3. Melahirkan pendirian yang amanah dalam melaksanakan tugas.
- Perjalanan projek : Aktiviti membantu menjaga anak jiran dijalankan pada 23 April 2010 iaitu pada hari Jumaat dari jam 2.00pm hingga 5.00pm. Saya seorang telah dipertanggungjawab untuk membantu jiran, iaitu Puan Aisya untuk menjaga anaknya selepas sekolah pada hari tersebut.
- Sebelum memulakan aktiviti tersebut, saya berbincang dengan jiran bahawa membantu beliau menjaga anaknya yang masih kecil semasa beliau keluar untuk menguruskan perkara bank. Saya telah membawa anaknya ke rumah sendiri sepanjang masa beliau tidak berada di rumah.
- Semasa perjalanan aktiviti, saya telah menjaga anak jiran dengan sebaik-baiknya. Saya bertanggungjawab untuk memastikan bayi jiran meminum susu pada tepat masa berasaskan kuantiti kesederhanaan. Saya juga prihatin terhadap ketidakselesaian bayi tersebut dan rajin memenuhinya tanpa mengenal penat lelah. Sikap amanah dalam melaksanakan aktiviti membantu menjaga anak jiran dapat diterapkan. Saya juga telah mematuhi segala arahan diberi oleh jiran supaya kerja akan berjalan lancar.
- Tepat pada waktu 5.00pm, bayi telah dipulangkan kepada jiran. Jiran saya, Puan Aisya amat berpuas hati dengan tugas yang telah saya jalankan.
- Peranan saya : Semasa aktiviti membantu menjaga anak jiran dilancarkan, saya memastikan tugas yang diberi dapat dilaksanakan dengan baik dan penuh bertanggungjawab. Saya tidak merungut atau tidak berpuas hati apabila diamanah untuk menjaga bayi jiran malah mengamalkan tugas itu dengan penuh toleransi. Saya telah memberi makanan dan minuman kepada bayi mengikut arahan jiran pada masa tertentu. Saya turut berprihatin dengan keadaan dan keperluan bayi.
- Kesan yang diperolehi : Aktiviti kerja amal iaitu membantu menjaga anak jiran telah membuatkan saya bersaya insaf tentang kepentingan menjalin hubungan yang erat dengan jiran. Saya dapat memahami bahawa jikalau hubungan dengan jiran kurang aman, maka kehidupan kita tidak dapat mencapai kesejahteraan dan keharmonian. Hal ini juga memberi kesedaran kepada saya bahawa sikap tolong-menolong harus diamalkan apabila mana-mana pihak diperlukan bantuan. Pengajaran yang saya dapat ialah kita patut mengamalkan nilai bertanggungjawab apabila sesuatu tugas dilaksanakan. Akhirnya, saya juga bersyukur kerana aktiviti kerja amal ini telah mengubah sikap saya supaya sentiasa menjalin hubungan yang erat dengan jiran.

- Bidang** : Kekeluargaan
- Tajuk** : Persediaan menyambut perayaan Tahun Baru Cina
- Penganjur** : Ng Yew Fatt, ketua keluarga
- Matlamat** : Mewujudkan suasana yang bersih, ceria dan selesa untuk perayaan Tahun Baru Cina.
- Objektif** : 1. Mengamalkan sesuatu kebiasaan yang diwarisi turun-temurun selama ini bersama keluarga.
2. Mewujudkan kerjasama dan hubungan yang erat di kalangan anggota keluarga.
3. Melahirkan anggota keluarga yang sanggup melaksanakan kewajibannya terhadap keluarga.
- Perjalanan projek** : Aktiviti persediaan menyambut Tahun Baru Cina dijalankan pada 13 Februari 2010 iaitu pada hari Sabtu dari jam 1.00pm hingga 5.00pm. Saya sekeluarga telah melibatkan diri dalam aktiviti persediaan menyambut perayaan Tahun Baru Cina ini.
- Sebelum memulakan aktiviti tersebut, kami telah mengadakan perbincangan antara ahli keluarga tentang agihan tugas. Dalam perbincangan, saya telah menyumbang idea supaya pintu gerbang rumah kami dicat semula.
- Semasa perjalanan aktiviti, saya dan ahli keluarga menyumbangkan tenaga untuk gotong royong tersebut. Kami bekerjasama untuk memastikan kerja-kerja berjalan lancar. Saya diamanah untuk menukarkan bantal tas dan bed cover baru. Kami telah bersukarela untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga dengan tungkus lumus. Sikap kasih sayang terhadap keluarga dapat diterapkan apabila kami sanggup bantu-membantu antara satu sama lain semasa melakukan tugas. Selaku ahli keluarga, saya mematuhi segala arahan ketua keluarga supaya keadaan terkawal dan wujudnya suasana harmoni.
- Tepat pada pukul 5.00pm, semua tugas telah kami siapkan. Aktiviti persediaan menyambut perayaan Tahun Baru Cina ini amat berjaya atas kerjasama antara ahli keluarga.
- Peranan saya** : Semasa aktiviti persediaan menyambut perayaan Tahun Baru Cina dilancarkan, saya memastikan semua arahan dan tugas yang diarahkan oleh ketua keluarga dilakukan dengan baik dan penuh tanggungjawab. Saya tidak merungut atau tidak berpuas hati apabila diamanahkan untuk membuat persediaan bersama keluarga untuk perayaan Tahun Baru Cina kerana saya sepatutnya mengekalkan tradisi kekeluargaan ini. Saya juga menyumbangkan idea bagi mengecat pintu gerbang supaya aktiviti gotong-royong ini lebih sempurna. Saya turut merakamkan gambar foto sepanjang aktiviti dijalankan.
- Kesan yang diperolehi** : Aktiviti kerja amal iaitu persediaan menyambut perayaan Tahun Baru Cina telah membuatkan saya berasa insaf tentang kepentingan mengamalkan sesuatu kebiasaan yang diwarisi turun-temurun bersama keluarga. Saya dapat memahami bahawa jikalau anggota keluarga tidak mengamalkan tanggungjawab ini, situasi keluarga akan menjadi kurang aman dan damai. Hal ini juga memberikan kesedaran kepada saya bahawa tugas persediaan sebelum sesuatu perayaan merupakan tanggungjawab setiap anggota keluarga. Pengajaran yang saya dapat ialah kita patut mengamalkan nilai tanggungjawab terhadap keluarga. Akhirnya, saya juga bersyukur kerana aktiviti kerja amal ini telah mengubah sikap saya bagi sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti keluarga supaya kesejahteraan hidup dapat dicapai.

- Bidang : Alam Sekitar
- Tajuk : Kitar semula bersama rakan
- Penganjur : Ng Chi San, ketua kumpulan
- Matlamat : Mengurangkan pembaziran sumber alam semula jadi serta mengurangkan kadar pencemaran.
- Objektif : 1. Menunjukkan sikap prihatin terhadap keadaan alam sekitar.
2. Mewujudkan kerjasama dan hubungan yang erat di kalangan pelajar.
3. Melahirkan wargaNegara yang mencintai alam sekitar.
- Perjalanan projek : Aktiviti kitar semula bersama rakan dijalankan pada 21 Jun 2010 iaitu pada hari Isnin dari jam 2.00pm hingga 5.00pm. Saya dengan seorang rakan telah hadir untuk aktiviti kitar semula bersama rakan ini di rumah saya sendiri.
- Sebelum memulakan aktiviti tersebut, kami telah membuat perancangan untuk mendapatkan bahan tidak terpakai yang dapat dikitar semula. Dalam perbincangan, saya telah menyumbangkan idea supaya mengumpulkan bahan tersebut daripada jiran terdekat supaya dihantar ke tong ktiar semula.
- Semasa perjalanan aktiviti, saya dan rakan telah bekerjasama untuk memastikan aktiviti ini berjalan lancar dengan memegang sikap menyayangi dan menghargai alam sekitar. Saya berperanan untuk mendapatkan bahan daripada jiran-jiran terdahulu. Selepas itu, kami membersihkan bahan-bahan tersebut lalu mengkatégorikan mereka ke tiga jenis, iaitu kertas, kaca, aluminium dan plastik. Kami tidak pernah mengabaikan mana-mana bahan yang dapat dikitar semula kerana itu tanggungjawab kita bersama untuk mengekalakan keharmonian antara manusia dengan alam sekitar.
- Tepat pada waktu 5.00pm, semua bahan yang telah dikategori telah dihantar ke tong kitar semula terdekat untuk dikitar semula. Aktiviti ini telah dijayakan akhirnya.
- Peranan saya : Semasa aktiviti kitar semula bersama rakan dilancarkan, saya memastikan semua perkara persediaan dilengkapi seperti menyediakan bag plastik besar. Saya juga menyumbangkan idea bahawa mengumpulkan bahan tidak terpakai yang dapat dikitar semula daripada jiran-jiran. Saya tidak pernah merungut atau tidak berpuas hati kerana pengekalan alam sektiar merupakan tanggungjawab bersama. Saya juga amat bekerjasama dengan rakan untuk mencapai matlamat sama iaitu memelihara dan memulihara alam sekitar.
- Kesan yang diperolehi : Aktiviti kerja amal iaitu kitar semula bersama rakan telah membuatkan saya berasa insaf tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar. Saya dapat memahami bahawa jika pengeluaran sumber bumi tanpa terhad ini terus berlaku, maka sampah sarap akan bertambah berturut-turut dalam kuantiti besar. Hal ini juga memberi kesedaran kepada saya bahawa tugas memelihara dan memulihara alam sekitar bukan sahaja tanggungjawab pihak kerajaan tetapi setiap individu. Pengajaran yang saya dapat ialah kita patut mengamalkan nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar serta peka terhadap isu-isu alam sekitar supaya hubungan harmoni antara manusia dengan alam sekitar dapat dijamin. Akhirnya, saya bersyukur kerana aktiviti kerja amal ini telah mengajar saya untuk memelihara dan memulihara alam sekitar pada setiap masa.

- Bidang : Alam Sekitar
- Tajuk : Gotong royong di padang kawasan perumahan
- Penganjur : Ng Chi San, ketua kumpulan
- Matlamat : Mewujudkan suasana padang di kawasan perumahan yang bersih dan selesa untuk diistirehat.
- Objektif : 1. Menunjukkan sikap prihatin terhadap keadaan kawasan perumahan.
2. Menjalin hubungan yang harmoni antara manusia dengan alam sekitar.
3. Melahirkan masyarakat yang mencintai kebersihan persekitaran.
- Perjalanan projek : Aktiviti gotong royong di padang kawasan perumahan dijalankan pada 20 Ogos 2010 iaitu pada hari Jumaat dari jam 2.00pm hingga 5.00pm. Seramai 5 orang pelajar termasuk saya, telah hadir bersama untuk aktiviti gotong royong di padang kawasan perumahan.
- Sebelum memulakan aktiviti tersebut, kami telah mengadakan perbincangan tentang agihan tugas. Dalam perbincangan tersebut, saya telah menyumbangkan idea supaya sampah-sarap yang kami kutip seperti kertas, tin aluminium dan botol kaca dapat dihantar ke tong kitar semula.
- Semasa perjalanan aktiviti, saya dan ahli-ahli kumpulan telah bekerjasama untuk menjayakan aktiviti gotong royong di padang kawasan perumahan. Saya berperanan untuk mengutip tin-tin aluminium kosong yang dibuang merata-rata tempat untuk dikitar semula. Sikap peka terhadap isu-isu alam sekitar telah kita tunjukkan dalam tindakan mengutip bahan untuk dikitar semula kerana masalah kekurangan sumber alam semakin ketara. Kami juga mengutip cabang pokok yang besar dan berbahaya untuk dibuang kemudian. Selaku ketua kumpulan, saya telah mengatur strategi yang berkesan supaya aktiviti gotong royong ini dapat dijalankan secara lancar dan efektif.
- Tepat pada pukul 5.00pm, semua sampah-sarap yang dapat dikitar semula telah dihantar ke tong kitar semula mengikut jenis. Keadaan padang telah dipulih menjadi bersih sekali.
- Peranan saya : Semasa aktiviti gotong royong di kawasan perumahan dijalankan, saya selaku ketua kumpulan telah mengarah ahli kumpulan untuk menjalankan tugas masing-masing. Saya telah juga menyumbangkan idea bahawa sampah-sarap yang dapat dikitar semula dihantar ke tong kitar semula selepas itu. Selain itu, saya telah bersungguh-sungguh mengutip tin aluminium dan cabang pokok di sekitar padang. Dalam sepanjang masa aktiviti dijalankan, saya telah berperanan untuk merakamkan gambar foto untuk tujuan menengkapkan kerja kursus.
- Kesan yang diperolehi : Aktiviti kerja amal ini iaitu gotong royong di padang kawasan perumahan telah membuatkan saya berasa insaf tentang kepentingan menghargai dan menjaga kebersihan padang kawasan perumahan. Saya dapat memahami bahawa padang merupakan tempat rekreasi penduduk tempatan dan tidak patut dicemarkan supaya penduduk dapat sentiasa menggunakan infrastruktur ini sepenuhnya. Hal ini juga memberi kesedaran kepada saya bahawa tugas menjaga kebersihan kawasan perumahan merupakan tanggungjawab penduduk tempatan. Pengajaran yang saya dapat ialah kita patut mengamalkan nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar untuk menjamin kesejahteraan hidup bersama. Akhirnya, saya bersyukur kerana aktiviti kerja amal ini telah mempengaruhi saya untuk sentiasa menghargai dan menjaga kebersihan kawasan persekitaran.